

Apa yang berlaku bila saya dibenarkan keluar wad?

Ambil ubat seperti arahan:

- ◆ Jangan berhenti ubat tanpa nasihat daripada doktor
- ◆ Habiskan antibiotik walaupun anda berasa sihat
- ◆ Jangan memandu atau mengendalikan sebarang mesin sekiranya ubatan itu membuat anda mengantuk
- ◆ Teruskan ubat anti-epileptic sehingga doktor menghentikannya. Ia mungkin mengambil masa selama 3 bulan.

Tukar Dressing :

- ◆ Tukar dressing sekiranya basah atau kotor. Dapatkan bantuan sekiranya anda tidak dapat melakukannya.

Mandi dan Cucian di Kepala:

- ◆ Apabila anda dibenarkan mandi, lakukan cucian di tempat luka secara perlahan dengan air suam. Kemudian keringkan dan dibalut semula.

Janji temu dengan doktor:

- ◆ Pastikan anda diberi janji temu dengan doktor sebelum balik. Tuliskan soalan jika anda mahu bertanya pada doktor.

Pesakit boleh merujuk kembali kepada pakar bedah mereka sekiranya terdapat sebarang persoalan yang berbangkit atau pertanyaan

Unit Neurosurgi, PPUM sentiasa bersedia menolong dan menghulur bantuan kepada pesakit dalam apa jua masa.

Klinik Neurosurgi diadakan setia hari Isnin mulai jam 2 petang bertempat di :-

Disediakan Oleh

Wad Neurosurgi

Pusat Perubatan Universiti Malaya

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama


Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2012



Example of a Craniotomy Procedure



CRANIOTOMY

Maklumat Untuk Pesakit / Keluarga

Apa itu *Craniotomy*?

Craniotomy adalah pembedahan pembukaan sebahagian dari tempurung kepala untuk melihat otak. Pembedahan ini membolehkan pakar bedah merawat pelbagai masalah berkaitan otak. Sebab-sebab pembedahan *craniotomy* dilakukan:

- ◆ Mengambil tisu
- ◆ Mengeluarkan darah beku
- ◆ Mengurangkan tekanan di dalam otak
- ◆ Mengeluarkan ketumbuhan dalam otak

Bagaimana pembedahan *Craniotomy* dilakukan?

Sebelum / Semasa prosedur dilakukan:

- ◆ Anda akan mendapat ubat untuk mengurangkan rasa takut dan ubat untuk mengelakkan infeksi
- ◆ IV kanula akan dimasukkan dan IV Terapi akan dimulakan
- ◆ Tiub kencing akan dimasukkan
- ◆ **Sebahagian dari kepala anda akan dicukur untuk mengelakkan risiko infeksi**
- ◆ Anda akan diberikan ubat di dalam Dewan Bedah untuk membuatkan anda tidur

Bila saya terjaga apa yang boleh saya jangkakan?

Selepas pembedahan selesai, anda akan diberikan perawatan rapi. Untuk mencapai objektif itu, anda akan:

- ◆ Dimasukkan ke *Neuro Intensive Care Unit* sekurang-kurangnya satu hari ataupun lebih
- ◆ Kemungkinan kedua-dua tangan anda akan diikat untuk mengelakkan anda mencabut tiub atau kannula tanpa disedari.
- ◆ Anda akan dipasangkan peralatan untuk jururawat melakukan pemerhatian rapi
- ◆ Anda juga akan mendengar bunyi-bunyian dari peralatan seperti mesin bantuan pernafasan (yang membantu mengawasi pernafasan anda)
- ◆ Anda akan dimasukkan tiub di dalam mulut untuk membantu pernafasan yang akan menyebabkan anda tidak boleh bercakap
- ◆ Lampu akan sentiasa terpasang untuk jangka masa yang panjang

Dalam proses pemulihan apa yang saya jangkakan?

Selepas pembedahan di kepala, adalah normal anda merasa letih, lemah dan keliru. Masalah ini dapat diatasi selari dengan proses pemulihan. Apabila keadaan anda bertambah baik, anda dijangkakan akan:

- ◆ Jika anda dibantu dengan alat bantuan pernafasan, ia akan dikeluarkan. Ini membolehkan anda bercakap. Anda mungkin berasa sakit tekak.
- ◆ Alat Pernafasan yang mengawasi pernafasan anda akan dihentikan

- ◆ Anda akan dibenarkan makan dengan makanan cecair sebagai permulaan.
- ◆ Aktiviti anda akan dimulakan
- ◆ Anda mungkin merasa sakit kepala, mual, sakit atau tidak selesa. Anda akan diberikan ubat untuk mengurangkan tanda dan gejala di atas.
- ◆ Anda akan dipindahkan ke Wad Neurosurgical Am selepas anda pulih.

Komplikasi Selepas Pembedahan *Craniotomy*?

Jururawat akan melakukan pemerhatian rapi untuk mengelakkan komplikasi. Matlamat utama pemerhatian rapi di Neuro ICU adalah untuk mengesan masalah lebih awal dan rawatan dapat dilakukan dengan betul. Setiap pembedahan kepala kemungkinan komplikasi akan terjadi tetapi biasanya dapat dirawat. Di antara komplikasi tersebut adalah:

- ◆ Perdarahan
- ◆ Sawan
- ◆ Infeksi
- ◆ Bengkak dan tekanan dalam kepala meningkat